

PENGGUNAAN PERKHIDMATAN PUSAT PERTUKARAN
PEKERJA PEMBINAAN BERHAD
(CONSTRUCTION LABOUR EXCHANGE BERHAD-CLAB)

TEO WAN LAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2008

ABSTRAK

Pusat Pertukaran Pekerja Pembinaan Berhad (CLAB-Construction Labour Exchange Center Berhad) merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengatasi kekurangan tenaga pekerja dalam sektor pembinaan, mengawal pengambilan pekerja asing ke Malaysia dan mengagihkan pekerja-pekerja asing kepada kontraktor secara berkesan melalui cara yang cepat, mudah dan menjimatkan.

Walaupun CLAB dikatakan banyak memberi manfaat kepada kontraktor terutamanya dalam perihal kos dan masa, tetapi hanya terdapat 1 peratus daripada 60,000 kontraktor yang berdaftar di bawah CLAB sehingga kini. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kontraktor tidak berdaftar di bawah CLAB walaupun perkhidmatan CLAB banyak memberikan manfaat kepada kontraktor dan sejauh manakah kesahihan kebaikan perkhidmatan CLAB kepada kontraktor? Menyedari persoalan tersebut, maka kajian ini dijalankan. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesahihan kebaikan perkhidmatan CLAB dari perspektif kontraktor. Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kontraktor tidak berdaftar di bawah CLAB. Skop kajian ini terhad kepada kontraktor Gred 7 di bawah pengelasan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atau kelas A di bawah pengelasan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang beroperasi di negeri Johor, Selangor dan Kuala Lumpur. Kaedah soal selidik digunakan untuk mengumpul data manakala kaedah analisis yang digunakan ialah kaedah analisis frekuensi statistik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat empat jenis kebaikan perkhidmatan yang diakui sah oleh majoriti kontraktor. Kebaikan utama ialah kontraktor boleh memulangkan pekerja asingnya kepada CLAB selepas projek disiapkan. Hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat enam faktor yang mempengaruhi kontraktor tidak berdaftar di bawah CLAB. Faktor yang paling mempengaruhi kontraktor tidak berdaftar di bawah CLAB adalah kontraktor lebih cenderung untuk menggunakan perkhidmatan sub-kontraktor buruh sahaja dalam projek pembinaan mereka.

ABSTRACT

Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) is an organization formed by the government to solve the shortage of labours in construction sector, to control the new intake of foreign workers to our nation and to distribute the unemployed foreign workers to contractor who needs them through fast, convenient and cost effective means. However, there is only 1 percent of the total of 60,000 contractors who registered under CLAB until now although CLAB has given a lot of benefits to the contractors especially in term of time and cost. The problems are what are the factors which influence the contractors not to register under CLAB although CLAB services provide lot of benefits to the contractors and how far is the benefits of CLAB services towards the contractors? The objectives of this study are to identify the factors which influence the contractors not to register under CLAB and the trueness of CLAB services benefits from contractors' perspective. The scope of this study is confined to contractors from Grade 7 under classification of Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) or Class A under classification of Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) in Johor, Selangor and Kuala Lumpur. Questionnaires were used to acquire opinion from contractors meanwhile the method for data analysis is by using statistic frequency analysis method. The study shown that there are four services benefit which are certified true by the contractors where the best services served by CLAB is the contractor can send back their foreign workers to CLAB after the construction project is finished. The study also shows that there are six factors influence the contractors not to register under CLAB. The main factor that influences the contractors not to register under CLAB is contractors prefer to use labour-only sub-contracting in their construction projects.